

MAKLUM BALAS PROGRAM
“COVID-19 AWARENESS INTERNATIONAL SEMINAR” 2021


18 Julai 2021

Soalan 1: Kualiti Keseluruhan Penganjuran (Respons: 145 orang)

1 – Tidak Memuaskan

5 – Sangat Memuaskan

Kualiti keseluruhan penganjuran:
145 responses




Soalan 2: Kualiti Keseluruhan Isi Kandungan Seminar (Respons: 145 orang)

1 – Tidak Memuaskan

5 – Sangat Memuaskan

Kualiti keseluruhan isi kandungan seminar:
145 responses




Soalan 3: Kualiti Keseluruhan Penceramah (Respons: 145 orang)

1 – Tidak Memuaskan

5 – Sangat Memuaskan

Kualiti keseluruhan penceramah:

145 responses



Soalan 4: Penceramah Terbaik (Respons: 78 orang)

Dari 78 orang tersebut mengatakan semua penceramah menyampaikan penerangan dengan jelas dan terbaik. Semua penceramah memberikan info yang amat bermanfaat termasuk mengikut kepakaran masing-masing. Penyampaian info dari penceramah juga amat tersusun dan bermanfaat.

Soalan 5: Kekuatan Utama Seminar (Respons: 105 orang)


Daripada 105 orang ini mengatakan bahawa seminar ini relevan, berfokus dan sangat menyeluruh. Hal ini dapat memberi kesedaran dan informasi yang tepat dalam keadaan semasa untuk renungan dan tindakan bersama. Di dalam program ini juga peserta dapat memanfaatkan tips-tips yang sangat praktikal bagi membantu individu mengadaptasi dengan keadaan semasa. Penyampaian penceramah juga sangat berfokus dan amat disenangi peserta kerana membawakan contoh-contoh dan pelbagai langkah untuk mengatasi dan menyesuaikan diri dengan suasana norma baharu. Dengan kelebihan daripada penceramah dari pelbagai negara dan mempunyai latar belakang yang berbeza, peserta dapat mengetahui pelbagai informasi mengenai pandemik Covid-19 ini dengan lebih meluas. Seminar juga dapat dikendalikan dengan bagus dan disenangi peserta kerana moderator dapat mengawal seminar dari segi masa dan sesi Q&A dengan amat baik.

Soalan 6: Cadangan Penambahbaikan Pada Masa Hadapan (Respons: 76 orang)

Peserta mengatakan bahawa adalah lebih baik jika pembentangan daripada penceramah dapat dikongsikan kepada peserta. Perkongsian bahan perlu diberikan kepada semua peserta seminar lebih awal supaya semua peserta ada soalan yang berfokus pada sesi Q&A. Tambahan pula, peserta menyuarakan untuk mewujudkan bank soalan agar penceramah dapat menjawab lebih soalan yang tidak sempat dijawab semasa sesi Q-A. Slot pandangan daripada pelajar dan pihak berkuasa yang berkaitan. Dari segi aspek kekangan masa peserta mencadangkan agar program dapat dilakukan selama 2 hari kerana peserta melihat banyak soalan tidak dapat diajukan ketika hari kejadian. Dicadangkan agar program dilaksanakan selama 2 hari agar perkongsian maklumat dan komunikasi dua hala dapat dilakukan secara lebih efektif dan perkongsian maklumat tersebut boleh dibuat secara berfokus sekurang-kurangnya 1 jam untuk setiap slot. Selain itu, publisiti perlu dilaksanakan lebih awal dan lebih meluas dan menjalinkan Kerjasama dengan pelbagai pihak seperti Kementerian Pendidikan Malaysia(KPM).

Soalan 7: Akan Mengikuti Lagi Seminar Atau Program Anjuran AID Conference (Respons: 145 orang)

Akan mengikuti lagi seminar atau program anjuran AID conference:
145 responses



Soalan 8: Adakah Cik/Tuan/Puan seorang guru? (Respons: 145 orang)

Adakah Cik/Tuan/Puan seorang guru?

145 responses

